



e-ISSN: 0128-0902

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 12(1) 2026

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Renungan Qalbu: Interpretasi Hati dalam Seni *Upcycle* Berlandaskan Estetika Islam

(Contemplating The Qalbu (Inner Heart): An Interpretative Study of the
Heart in Islamic Aesthetics-Inspired Upcycled Art)

Noor Hidawati Mohamed Amin^{1*}✉, Zuriati Mohamed Shaari¹✉

¹Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 5 June 2025

Revised 20 February 2026

Accepted 26 February 2026

Published 21 April 2026

Keywords:

Discarded Textile
Fiber Art
Islamic Aesthetics
Practice based research
Upcycle Art

Katakunci:

Estetika Islam
Tekstil terpakai
Penyelidikan berasaskan amalan
Seni *upcycle*
Seni Fiber

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.3>

ABSTRACT

This study is practice-based, discussing the artwork *Sekeping Hati* as an upcycle art medium using discarded textiles, framed through autoethnograph and Islamic aesthetics. The main problem of this study centers on how fiber art elements such as material selection, stitching techniques, motif arrangement, and color palette can function as a silent narrative to document emotional experiences, the process of soul healing, and ecological awareness. This issue arises because contemporary art is often interpreted only in terms of visuals and form, whereas in Islamic tradition, art also carries the role of *dakwah* (spiritual propagation), self-therapy, and environmental sustainability. Visual analysis finds that rigid denim symbolizes inner wounds, fragile chiffon symbolizes hope, while repetitive techniques such as embroidery, layering of buttons, and fabric burning carry symbols of patience, trauma, and spiritual protection. In terms of color, black symbolizes sorrow, red trauma and spirit, green hope, blue tranquility, and white recovery. The review of motifs such as the heart, whirlpools, and fern embroideries reveals a narrative of a soul's journey that is non-linear yet progressive. Overall, this artwork manifests the principle of *jamal* (beauty) in form and color, *mizan* (balance) between the outward and inward, tawhidic values in the relationship between human, God, and nature, as well as maqasid art as spiritual and social education. This study proves that art based on Islam is not only aesthetically beautiful, but also functions as an instrument of personal, social, and spiritual transformation, while opening new space in the discourse of contemporary art that connects creativity with dakwah, therapy, and sustainability.

ABSTRAK

Kajian ini berlandaskan *practice-based* yang membincangkan karya *Sekeping Hati* sebagai medium seni *upcycle* berasaskan tekstil terbuang yang digarap melalui kerangka autoetnografi dan estetika Islam. Permasalahan utama kajian ini berpusat pada bagaimana elemen seni

^{1*} Corresponding author. E-mail address: hidawati_amin@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.3>

fiber seperti pemilihan material, teknik jahitan, susunan motif, dan palet warna mampu berfungsi sebagai naratif senyap untuk mendokumentasikan pengalaman emosi, proses pemulihan jiwa, serta kesedaran ekologi. Isu ini timbul kerana seni kontemporari sering diinterpretasi hanya dari aspek visual dan bentuk, sedangkan dalam tradisi Islam, seni turut memikul peranan dakwah, terapi diri, dan kelestarian alam. Analisis visual mendapati denim yang keras melambangkan luka batin, sifon rapuh melambangkan harapan, manakala teknik berulang seperti sulaman, tindanan butang, dan pembakaran fabrik membawa simbol kesabaran, trauma, dan perlindungan rohani. Dari segi warna, hitam melambangkan kesedihan, merah trauma dan semangat, hijau harapan, biru ketenangan, dan putih pemulihan. Ulasan motif hati, pusaran, dan sulaman pakis memperlihatkan naratif perjalanan jiwa yang tidak linear namun progresif. Secara keseluruhan, karya ini menzahirkan prinsip *jamal* (keindahan) dalam bentuk dan warna, *mizan* (keseimbangan) antara zahir dan batin, nilai tawhidik dalam hubungan insan, Allah dan alam, serta maqasid seni sebagai pendidikan rohani dan sosial. Kajian ini membuktikan bahawa seni berlandaskan Islam bukan sahaja indah secara estetik, tetapi turut berfungsi sebagai instrumen perubahan diri, sosial, dan spiritual, serta membuka ruang baharu dalam wacana seni kontemporari yang menghubungkan kreativiti dengan dakwah, terapi, dan kelestarian.

PENGENALAN

Islam menitikberatkan keindahan dalam setiap aspek kehidupan, termasuk seni. Seni Islam bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan mesej ketuhanan dan makna spiritual (Nasr, 1987). Dalam konteks seni *upcycle*, penggunaan bahan terpakai bukan sahaja mencerminkan kelestarian tetapi juga mencerminkan nilai ihsan dan islah dalam Islam. Hati sebagai simbol dalam seni Islam menggambarkan pelbagai keadaan rohani manusia, menjadikannya elemen yang relevan dalam seni kontemporari yang berlandaskan Islam.

Seni dalam konteks Islam memiliki dimensi yang melampaui sekadar keindahan visual semata, ia adalah wahana ekspresi rohani dan medium komunikasi yang menyampaikan mesej ketuhanan serta makna spiritual secara mendalam. Dalam tradisi estetika Islam, prinsip tawhid sebagai landasan utama, bersama dengan konsep *jamal* (keindahan) dan *mizan* (keseimbangan), membentuk kerangka yang memandu penghasilan karya seni bukan sahaja dari segi rupa, tetapi juga dari segi makna dan fungsi. Seni bukan hanya menjadi hiasan, tetapi menjadi sarana dakwah yang halus dan refleksi terhadap hubungan antara insan, Pencipta, dan alam sekitar.

Seiring perkembangan kesedaran global terhadap isu kelestarian, seni *upcycle* muncul sebagai suatu paradigma inovatif dalam seni kontemporari yang menggabungkan kreativiti dengan tanggungjawab sosial dan ekologi. Melalui transformasi bahan terbuang menjadi karya seni bernilai estetik dan spiritual, seni *upcycle* tidak hanya menyumbang kepada pengurangan pembaziran tetapi juga memperlihatkan potensi besar sebagai medium ekspresi yang sarat dengan makna dan naratif peribadi. Dalam konteks ini, simbolisme hati yang kaya dalam Islam menjadi titik tumpu untuk menterjemah pelbagai dimensi emosi dan pengalaman rohani, membuka ruang bagi dialog estetik yang mendalam antara pengkarya, karya, dan penikmat seni.

Kajian ini mengambil pendekatan autoetnografi dan estetika Islam sebagai metodologi utama, membolehkan pengkarya menggali dan menganalisis pengalaman subjektif serta refleksi spiritual dalam proses penciptaan karya seni *upcycle*. Pendekatan ini sekaligus menonjolkan keterkaitan antara nilai estetika Islam dan amalan seni lestari, yang menyatukan dimensi keindahan, etika, dan tanggungjawab

khalifah terhadap alam. Melalui penghasilan karya yang berasaskan tekstil terpakai, kajian ini berupaya memperluas pemahaman tentang bagaimana seni kontemporari dapat berperanan sebagai medium dakwah, terapi diri, dan pemeliharaan nilai ihsan dalam konteks globalisasi dan krisis alam sekitar.

Sebagai lanjutan, kajian ini bukan sahaja memperkukuh pengertian dan praktik seni Islam kontemporari, malah memberi sumbangan kritikal terhadap wacana seni lestari yang holistik dan berintegrasi, yang mengharmonikan ekspresi artistik dengan tanggungjawab sosial juga spiritual. Pendekatan ini juga mencadangkan paradigma alternatif dalam penghasilan karya seni yang tidak hanya bermakna secara visual, tetapi juga mendalam dari sudut etika dan kesedaran ekologi, menjadikan seni sebagai agen perubahan dan renungan qalbu dalam menghadapi cabaran masa kini.

SENI DALAM ISLAM

Seni dalam Islam bukan sekadar manifestasi estetika tetapi juga satu bentuk ibadah yang mencerminkan kebesaran Allah SWT (Burekhardt, 1976). Seni tidak hanya menjadi jamuan mata tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat. Seni berfungsi untuk:

- (i) Menyampaikan mesej dakwah – Seni sebagai medium penyebaran nilai Islam secara halus dan berkesan (Shabbir, 2015)
- (ii) Membuka minda dan pemikiran – Seni membantu manusia merenung dan memahami makna kehidupan serta kebesaran Allah (Ali, 2012)
- (iii) Mencerminkan keseimbangan dan keindahan – Prinsip Seni Islam menekankan keserasian antara bentuk dan makna (Faridi, 2020)
- (iv) Tanggungjawab Khalifah – Seni yang menjaga kelestarian alam sekitar sebagai sebahagian daripada amanah manusia di bumi (Hussain, 2018)

MAKNA HATI DALAM ISLAM

Dalam Islam, hati bukan sekadar organ fizikal tetapi juga pusat spiritual dan emosi manusia (Al-Ghazali, 2004). Al-Quran dan hadis banyak menyentuh peranan hati dalam menentukan keimanan seseorang. Konsep utama yang berkaitan dengan hati termasuk:

- (i) Qalbin Salim (hati yang suci): Hati yang bebas dari penyakit rohani dan penuh dengan ketakwaan (Ibn Qayyim, 1998).
- (ii) Qalbin Mayyit (hati yang mati): Hati yang tidak lagi menerima kebenaran.
- (iii) Qalbin Maridh (hati yang sakit): Hati yang berada dalam keadaan ragu dan lalai.
- (iv) Qalbin Munib (hati yang kembali kepada Allah): Hati yang sentiasa bertaubat dan mencari kebenaran.

PENGUNAAN BAHAN KITAR SEMULA DALAM KONTEKS ISLAM

Seni *upcycle* atau seni kitar tinggi merupakan salah satu kaedah yang menzahirkan tanggungjawab terhadap alam sekitar, selari dengan ajaran Islam yang menekankan penjagaan bumi (Nasr, 2001). Antara konsep Islam yang relevan dalam penggunaan bahan kitar semula dalam seni ialah:

- (i) **Khalifah di muka bumi:** Manusia sebagai penjaga alam bertanggungjawab menggunakan sumber dengan bijak (Qutb, 1991)

- (ii) **Maqasid al-Shariah:** Kelestarian alam sekitar adalah sebahagian daripada perlindungan kehidupan dan harta benda (Kamali, 2008)
- (iii) **Keindahan dalam Islam:** Seni sebagai manifestasi keindahan yang dianjurkan dalam Islam, selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip syarak (Burckhardt, 1976)

SENTUHAN ARTISTIK DAN ISLAM DALAM SENI *UPCYCLE*

Kitar tinggi (*upcycle*) dalam konteks seni merujuk kepada amalan mengambil bahan atau objek yang tidak lagi digunakan dan mengolahnya menjadi karya seni baharu yang lebih bernilai. Proses ini melibatkan transformasi bahan atau media terbuang menjadi sesuatu yang sarat dengan nilai estetik, kreativiti dan artistik. Ia merupakan sebahagian daripada gerakan seni lestari yang bertujuan mengurangkan pembaziran serta menggalakkan penggunaan semula bahan dengan pendekatan yang lebih kreatif. *Upcycling* kini diiktiraf sebagai satu penyelesaian yang inovatif dan berdaya maju untuk menangani isu sisa, di samping mempromosikan penghasilan karya atau produk yang mampan. Proses ini turut merangkumi aspek reka bentuk kreatif, di mana bahan buangan diberikan nafas baharu serta diubah menjadi produk atau material unik yang mampu menarik perhatian. Melalui pendekatan ini, permintaan terhadap sumber baharu dapat dikurangkan dan kesan alam sekitar akibat proses pengeluaran dapat diminimumkan (Birtwistle et al., 2007).

Penyelidikan oleh Ali et al. (2019) menunjukkan bahawa kitar semula mampu mengurangkan penggunaan tenaga, pelepasan gas rumah hijau, dan penggunaan air, jika dibandingkan dengan proses pengeluaran tekstil konvensional. Di samping itu, proses ini juga dapat mengalihkan sisa tekstil daripada tapak pelupusan sampah, seterusnya mengurangkan penjejakan sisa dan pencemaran (Niinimäki, 2010). Idea penggunaan semula bahan buangan, sama ada tekstil, plastik, atau bahan lain, membuka ruang kepada penghasilan yang lebih inovatif dan kreatif, khususnya dalam kalangan artis, penggiat seni dan pengusaha kraf. *Upcycling* juga memberikan peluang kepada artis tempatan, pekerja kraf serta komuniti terpinggir untuk terlibat dalam pengeluaran tekstil secara mampan (Goworek et al., 2012), di samping menyumbang kepada pembangunan kemahiran dalam komuniti (Irick et al., 2022).

Penghasilan karya seni berasaskan *upcycle* yang bertemakan hati merupakan manifestasi gabungan antara nilai estetika dan spiritual dalam konteks Islam. Pendekatan ini mencerminkan prinsip keindahan (*jamal*) dan keseimbangan (*mizan*) yang menjadi tunjang dalam ajaran Islam, sekaligus memperlihatkan bagaimana seni berperanan sebagai medium dakwah yang bersifat halus namun berkesan. Gabungan teknik venarkular dan teknik yang telah diinovasi di eksplorasi bagi memperlihatkan kesesuaian visual, bahkan membawa simbolisme terhadap ketahanan, pemulihan, dan keinsafan dalaman diri dalam menghadapi kehidupan. Pengkarya dengan konsisten mengeksplorasi media ini dalam karya dan kajian. Tekstil *upcycle* ini mempunyai potensi besar sebagai medium alternatif dalam penghasilan karya seni visual yang bukan sahaja bersifat lestari, tetapi turut memperkukuh nilai-nilai spiritual, budaya, dan ekspresi sendiri secara signifikan.

KARYA *UPCYCLE* TEKSTIL: SEKEPING HATI

Pernyataan Artis

Karya Siri Sekeping Hati adalah representasi berlandaskan metod autoetnografi dan estatika islam yang meneroka peranan hati sebagai pusat emosi, refleksi diri, dan hubungan spiritual insan dengan Pencipta. Karya ini lahir daripada pengalaman peribadi artis yang diterjemah melalui eksplorasi tekstil terbuang sebagai medium seni *upcycle*. Dalam naratif visual ini, hati bukan hanya simbol fizikal, tetapi lambang dimensi batiniah manusia yang menampung rasa cinta, luka, harapan dan keinsafan. Secara budaya, konsep hati dalam bahasa Melayu mengandungi pelbagai makna: ia mewakili organ dalaman, namun dari hati juga menjadi pusat pemikiran, luahan emosi, dan pertimbangan moral. Ini mencerminkan kefahaman holistik

yang serasi dengan pandangan Islam tentang insan sebagai makhluk yang seimbang antara jasad, akal dan roh. Dalam konteks ini, karya Sekeping Hati dapat difahami lebih mendalam melalui kerangka estetika Tawhidic yang menekankan bahawa segala ciptaan adalah bersumber dan berhubung dengan Tuhan Yang Esa (Allah), dan bahawa keindahan (*jamal*) adalah manifestasi kesempurnaan-Nya (Al-Faruqi, 1982).



Rajah 1. Karya yang dikaji (Siri Sekeping Hati I, II); Saiz: 95 x 165 sm x 2 Keping; Media oleh Kolaj Tekstil Terbuang (discarded textile) atas papan.

Sumber: Hidawati Amin (2024)


Prinsip *jamal* dalam Islam tidak sekadar merujuk kepada estetika visual tetapi kepada keindahan yang menyatukan kebenaran, keseimbangan dan kesucian. Justeru, seni bukan hanya untuk dipandang, tetapi untuk dirasakan dan difahami secara rohani. Dalam karya ini, penggunaan semula tekstil terbuang yang diolah membawa makna mendalam, ia mencerminkan nilai pemulihan, ketahanan dan penebusan sebagaimana hati manusia yang luka tetapi masih mampu dipulih dan dimurnikan. Pelbagai teknik manipulasi seperti *patchwork*, heating, kolaj, jahitan halus juga kasar bukan sahaja membentuk tekstur, tetapi menjadi metafora terhadap penyembuhan batin dan penyusunan semula emosi yang pelbagai dan berserabut. Konsep *mizan* (keseimbangan), satu lagi prinsip penting dalam ajaran Islam, turut hadir dalam siri ini melalui dwi-sifat yang digambarkan: Hati merah dan hati hitam.

Hati merah melambangkan kasih, semangat, kesetiaan dan harapan, pantulan sifat mahmudah yang membawa kepada pengharapan dan kekuatan dalaman. Dalam psikologi warna, merah mewakili tenaga hidup, cinta, dan kekuatan dalaman, ianya nilai-nilai positif yang diperlukan untuk kita terus melakukan yang terbaik dalam kehidupan. Hati hitam pula menggambarkan emosi gelap yang tertindih seperti, kesedihan, kecewa, dendam kekeliruan, dan kegelapan batin yang jika tidak disedari, mampu merosakkan jiwa. Warna hitam yang pelbagai mono digubakan bagi menggambarkan aspek misteri dan terluka dalam jiwa manusia. Ia digambarkan seakan emosi yang tidak selalu dapat disembuhkan, tetapi tetap membentuk siapa kita. Namun dalam kerangka tazkiyah al-nafs, bahkan kegelapan ini adalah ruang untuk muhasabah dan penyucian diri. Karya ini juga mengangkat fungsi seni sebagaimana yang dijelaskan dalam maqasid seni Islam, iaitu seni harus berperanan sebagai wadah pendidikan rohani, pembinaan akhlak, dan penyubur kesedaran sosial (Hussain, 2018).

METODOLOGI

Autoetnografi: Naratif dan Pembinaan Identiti dalam Karya Sekeping Hati

Dalam disiplin sains sosial, autoetnografi sering diaplikasikan sebagai pendekatan metodologi yang membolehkan penyelidik menelusuri pengalaman hidup individu bagi menyingkap dimensi masyarakat secara lebih mendalam. Kaedah ini menekankan hubungan dialektik antara naratif diri dengan kerangka budaya, sosial dan sejarah yang melingkupinya (Ellis, Adams & Bochner, 2011). Namun, dalam medan seni, autoetnografi memperlihatkan peluasan fungsi yang melampaui dokumentasi pengalaman peribadi. Ia diolah melalui bahasa visual yang bersifat simbolik, reflektif, dan interpretatif, sekali gus memperkukuh wacana seni kontemporari dengan penekanan terhadap subjektiviti, emosi, dan identiti pengkarya.



Rajah 2. Kerangka kerja Autoetnografi dan Estetika Islam

Sumber: Penulis (2026)

Dalam konteks ini, karya “Sekeping Hati” dapat difahami sebagai aplikasi autoetnografi yang menggabungkan naratif peribadi pengkarya dengan refleksi spiritual dan sosial. Melalui penggunaan tekstil terbuang sebagai medium *upcycle*, karya ini menterjemahkan pengalaman subjektif ke dalam bentuk visual yang menzahirkan emosi, trauma, harapan, serta pencarian makna rohani. Justeru, karya “Sekeping Hati” bukan sekadar catatan pengalaman subjektif, tetapi juga sebuah representasi artistik yang menzahirkan identiti, emosi, dan nilai spiritual pengkarya, sekaligus memperkaya wacana seni kontemporari dengan perspektif peribadi yang berakar pada keislaman. Pengalaman luka batin, proses pemulihan emosi, dan pencarian kekuatan rohani dilakukan melalui tekstil yang dikitar semula. Media tekstil terpakai atau terbuang yang digunakan menjadi metafora terhadap naratif kehidupan manusia. Pengalaman yang turut mengalami kitaran kejatuhan, pemulihan dan kebangkitan semula. Teknik *patchwork*, *heating*, kolaj, jahitan halus juga kasar menzahirkan proses pembinaan identiti dan jiwa secara berperingkat serta berulang. Selain material, teknik, susunan motif dan warna juga dititik beratkan dalam eksplorasi estetik ianya selaras dengan pendekatan autoetnografi yang memberi ruang kepada pengkarya membaca serta meluahkan semula naratif pengalaman lampau sejajar dengan dapatan eksplorasi yang dijalankan.

Kerangka Estetika Islam: Tawhidic Aesthetics

Tawhidic aesthetics, estetika Islam merupakan satu bidang pemikiran yang menempatkan keindahan dalam kerangka tauhid sebagai asas ontologi. *Tawhidic aesthetics* merujuk kepada pendekatan yang menganggap bahawa setiap bentuk keindahan dalam seni haruslah berpaksikan kepada kesedaran terhadap keesaan Tuhan (*al-Tawhid*), serta berfungsi sebagai cerminan dan peringatan terhadap kebesaran-Nya. Berlandaskan prinsip ini seni tidak dilihat sebagai satu bentuk ekspresi yang terpisah daripada nilai-nilai akidah tetapi sebagai medium dakwah dan pengabdian kepada yang Maha Esa. Menurut Al-Faruqi (1982), estetika dalam Islam bersifat teosentrik, di mana seluruh manifestasi artistik merupakan refleksi daripada kesempurnaan, keteraturan dan keseimbangan ciptaan Tuhan. Seni Islam tidak meraikan keindahan dalam bentuk subjektif atau emosi semata-mata, tetapi berpandukan prinsip kosmos yang teratur dan harmonis, yang menjadi tanda kebijaksanaan dan kekuasaan Ilahi. Keindahan (*jamal*) dalam konteks ini bukan hanya bersifat visual atau sensual, tetapi mencerminkan aspek metafizik yang tinggi, yang menjadi saluran untuk mendekatkan jiwa manusia kepada sumber keindahan mutlak, iaitu Allah SWT.

Pinem (2012) mengulas bahawa dalam pemikiran Al-Faruqi, seni Islam menampilkan nilai-nilai tauhid dalam bentuk yang objektif dan transenden. Objektif kerana prinsip estetikanya didasarkan pada hukum-hukum kosmik dan bukan bergantung kepada relativisme budaya atau individu semata-mata dan transenden kerana setiap bentuk seni mengarah kepada hakikat yang melampaui dunia material, iaitu kesedaran akan Tuhan sebagai pusat kewujudan. Dalam hal ini, seni berperanan bukan sahaja sebagai wahana ekspresi, tetapi juga sebagai medium epistemologis dan spiritual yang membimbing manusia kepada makna dan

hakikat kewujudan. Secara keseluruhannya, *tawhidic aesthetics* memperkukuh pandangan bahawa seni adalah sebahagian daripada ibadah apabila diletakkan dalam kerangka kehambaan dan pemeliharaan terhadap nilai-nilai Ilahi. Ia menolak eksploitasi seni demi nafsu atau keuntungan semata-mata, sebaliknya mengangkat seni sebagai alat pencerahan rohani, penyucian jiwa (*tazkiyah*), dan pembangunan akhlak.

Dalam penghasilan karya Sekeping Hati, prinsip *tawhidic aesthetics* diterapkan secara sedar berdasarkan pendekatan seni kontemporari. Prinsip ini diaplikasikan melalui pemilihan media, pembangunan konsep, dan teknik yang digunakan dalam karya. Penggunaan media tekstil *upcycle* atau terbuang sebagai media utama bukan sahaja membawa mesej kelestarian, tetapi turut mengandungi makna spiritual. Dalam proses berkarya, pengkarya melalui fasa pembersihan semula, pengasingan yang di mana bahan buangan diberi makna baharu dalam konteks seni. Secara tidak langsung ia mencerminkan falsafah *tazkiyah al-nafs*, di mana manusia juga sering melalui proses kejatuhan, penyucian dan pembinaan semula jiwa menuju kesempurnaan rohani. Bentuk hati yang diambil dan media tekstil terbuang yang dimanipulasi menggunakan pelbagai teknik konvensional juga teknik yang telah diinovasikan, simbolik kepada perlawanan perjalanan jiwa dalam mencari redha Ilahi. Konsep ini menyatukan dimensi estetik dan spiritual, di mana keindahan adalah manifestasi kesempurnaan ketuhanan dalam ciptaan (Alashari, Duaa & Hamzah, Abd., 2021).

Jamal dan Mizan: Prinsip Keindahan dan Keseimbangan

Dalam estetika Islam, epistemologi seni Islam, keindahan (*jamal*) didefinisikan sebagai keharmonian yang lahir daripada susunan yang teratur, penuh makna, dan bersifat suci. Ia bukan hanya merujuk kepada daya tarikan visual tetapi juga sebagai sarana mendekatkan diri kepada Tuhan. Setiap unsur seni baik bentuk, warna, mahupun tekstur haruslah membawa nilai etika dan spiritual yang memperkaya rohani pencipta serta pengamat seni itu sendiri.

Dalam karya ini, pemilihan dan pengolahan tekstil terbuang menjadi medium yang mengangkat nilai estetik dan spiritual. Ia menggambarkan proses *ihya' al-mawadi'* (menghidupkan kembali bahan) yang selari dengan prinsip *jamal* dan juga dengan tanggungjawab khilafah terhadap alam. Pemisahan antara 'hati merah' dan 'hati hitam' menzahirkan keseimbangan dualiti dalam emosi manusia antara harapan dan kesedihan, kasih dan kecewa yang perlu diurus secara berimbang sebagaimana prinsip *mizan* dalam penciptaan alam.

Maqasid Seni: Pendekatan Dakwah melalui Seni Upcycle

Dalam perspektif Islam, maqasid seni menekankan tujuan dan kesan seni terhadap manusia, dengan fokus kepada nilai moral, pendidikan, dan pembangunan komuniti. Seni bukan sekadar hiburan, tetapi berfungsi sebagai medium penyampaian nilai-nilai spiritual dan sosial yang mendidik masyarakat. Hussain (2018) menegaskan bahawa seni dalam konteks Islam adalah alat pendidikan dan dakwah, khususnya untuk menyampaikan mesej *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), pengukuhan akhlak, dan kesedaran tanggungjawab sosial.

Karya Sekeping Hati mengangkat dimensi dakwah bil-hal melalui proses mengolah bahan terbuang menjadi karya seni yang melambangkan pemulihan dan penyucian diri. Pendekatan ini menegaskan bahawa seni bukan sekadar ekspresi diri, tetapi juga ibadah yang menyumbang kepada pembangunan jiwa dan masyarakat (Rahim et al., 2023). Islam menjelaskan bahawa keseimbangan alam semesta telah ditetapkan oleh Allah SWT, dan ketetapan ini mencakupi perlindungan terhadap setiap bentuk kehidupan. Manusia diberikan amanah sebagai khalifah di bumi, dan oleh itu, mereka bertanggungjawab untuk menjaga serta memelihara setiap komponen alam sekitar. Pengabaian terhadap tanggungjawab ini boleh mengganggu keharmonian ekosistem, yang akhirnya membawa kesan buruk terhadap kehidupan sejagat. Maka, pemeliharaan alam merupakan tuntutan agama yang tidak hanya bersifat etika, tetapi juga bersumberkan

prinsip tauhid yang menghubungkan manusia dengan Pencipta dan ciptaanNya (Ibrahim, Jaafar, Ismail, & Mohmud, 2023).

Penggunaan tekstil terbuang bukan sahaja sebagai media seni, tetapi juga manifestasi sokongan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 12) yang menekankan kepenggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab. Dengan memanfaatkan bahan yang sepatutnya dibuang, karya ini mengajak penonton menghargai kelestarian alam sejajar dengan prinsip dakwah yang menitikberatkan kesedaran sosial dan tanggungjawab terhadap ciptaan Tuhan (Department of Statistics Malaysia, 2020; Kloth Cares Fabric Recycling Movement Data, 2020). Melalui penggabungan konsep, media, dan amalan ini, karya ini memaparkan seni sebagai medium dakwah yang efektif, menyampaikan mesej pemulihan jiwa dan kebertanggungjawaban sosial secara praktikal melalui pendekatan *upcycle*.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Analisis Visual dan Interpretatif: Naratif dan Simbolisme dalam Elemen Seni

Pendekatan analisis visual dan interpretatif digunakan bagi mengenal pasti dan menghurai elemen-elemen utama dalam karya, termasuk jenis tekstil, teknik jahitan, warna, susunan motif, inovasi penggunaan bahan dan estetika islam yang merangkumi perspektif *jamal*, *mizan*, tawhidik dan masaqi seni. Setiap elemen ini mengandungi naratif dan simbolisme tersendiri yang mencerminkan perjalanan emosi dan spiritual, sejajar dengan pendekatan autoetnografi dan estetika Islam seperti *jamal*, *mizan*, dan transformasi batin.

Jadual 1. Analisis Elemen Seni, Naratif dan Simbolisme

Elemen	Maklumat/ Naratif	Simbol/Makna	Gambar Dekat (Close-up)	Estetika Islam (Jamal, Mizan, Tawhidik, Maqasid Seni)
Jenis Tekstil	Kain terpakai/kitar semula yang dipilih dengan teliti.	Melambangkan sejarah peribadi dan lapisan emosi manusia.		Jamal: Keindahan dari bahan terpakai, bukan sekadar rupa fizikal tapi nilai makna.
	1. Denim - Sifat: Tebal, keras, tebal, kukuh	Naratif luka, ketabahan dan pemulihan.		Mizan: Keseimbangan antara manusia dan alam dengan menggunakan semula tekstil.
	2. Shifon - Sifat: Nipis, rapuh, jarang 3. Koton - Sifat: Sederhana tebal, legap	Transformasi dari 'usang' kepada 'bermakna'. Setiap helaian kain membawa naratif pengalaman perasaan luka dan pemulihan yang berbeza.		Tawhidic: Mengingatkan insan bahawa ciptaan Allah boleh dimanfaatkan kembali, bukan dibazirkan.
Teknik Jahitan & Sulaman	Jahitan tangan dan jahitan mesin yang rapi.	Melambangkan usaha dan keazaman dan kegigihan dalam proses mendapat ketenangan.		Maqasid Seni: Medium dakwah tentang kelestarian dan kesyukuran, serta terapi diri melalui pemulihan dari luka.
	Mencerminkan ketelitian dan kesabaran dalam proses penyembuhan.	Simbol kekuatan dalaman dan ketekunan dalam diri.		Jamal: Kehalusan dan kecantikan jahitan menzahirkan nilai seni yang lembut, penuh harmoni. Mizan: Jahitan yang tersusun dan simetri menunjukkan keseimbangan antara emosi, akal, dan spiritual.

			 Teknik pemanasan menggunakan fabrik sifon(biru/hijau).	Tawhidic: Jahitan membawa kesedaran bahawa setiap luka ada hikmah dan kesembuhan hakiki datang daripada Allah. Maqasid Seni: Jahitan dan sulaman berfungsi sebagai medium terapi, simbol dakwah tentang sabar dan redha, serta manifestasi ihsan dalam menghargai alam melalui penggunaan bahan secara lestari.
Warna	Warna-warna dipilih berdasarkan emosi tertentu. Contohnya warna gelap melambangkan luka dan duka, warna cerah mewakili harapan dan penyembuhan.	Warna hitam: Luka dan kesedihan. Warna merah: Kekuatan dan keberanian. Warna hijau: Harapan, kehidupan baharu, dan kesejahteraan spiritual. Warna biru: Mencari kedamaian, kestabilan emosi, dan ketenangan jiwa. Warna putih: Mencerminkan pencarian ketenangan, penyucian jiwa, dan pemulihan rohani.	 Biru / hijau: shifon, merah /putih poliester.  Merah/putih : Polieste, Merah jambu : Felt	Jamal: Harmoni warna menggambarkan emosi rohani. Mizan: Keseimbangan antara duka & harapan. Tawhidic: Warna menjadi tanda hubungan insan dengan Pencipta (kesedihan & penyembuhan). Maqasid Seni: Warna sebagai terapi jiwa & simbol dakwah melalui seni.
Susunan Motif	- Susunan motif kain mengikut pola tertentu yang menyerupai hati atau pusaran - Menunjukkan perjalanan emosi yang tidak linear, dari luka ke pemulihan.	Bentuk dan Simbol Hati. (Gambar 1) Lambang emosi dan spiritual insan. Terbahagi kepada dua bahagian, merah sebagai energi, luka, semangat dan hitam trauma,kesedihan, kedalaman jiwa. Konflik dan harapan. Teknik pemanasan dengan fabrik Sifon (Gambar 2) Dapat dilihat pada sisi kanan atas Karya berwarna merah, juga pada ruang tengah karya hitam yang menggunakan teknik ini membentuk susunan motif lubang-lubang terbakar. Simbol seakan luka dan kerapuhan. Lubang melambangkan trauma atau luka.	 1. Gambar keseluruhan karya Sekeping Hati I dan II  2. Gambar teknik pemansan (Sifon)	Jamal: Keindahan terhasil daripada keteraturan pola dan simbol hati/daun yang serasi, mencerminkan kecantikan rohani yang harmoni. Mizan: Pola berulang dan susunan sejajar mencerminkan keseimbangan kosmos, seimbangnya perjalanan emosi dengan fitrah insan. Tawhidic: Simbol hati mengingatkan bahawa kehidupan rohani bersumberkan Allah; setiap pusaran ujian akhirnya membawa insan kembali kepada-Nya.

Inovasi Tekstil Terpakai

-Penggunaan tekstil terpakai (bendera pilihan raya, denim terpakai, pakaian rosak) sebagai medium seni yang lestari.
- Proses kreatif yang teliti mengangkat bahan terbuang menjadi karya bermakna.

Lipatan Bertindih (Layered Folds) (Gambar 3)

Dapat dilihat wujud susunan motif dari teknik lipatan kain bertindih. Metafora seakan lapisan pengalaman hidup iaitu luka, kenangan, dan perasaan yang bertindih dan sukar dipisahkan.

Jahitan Sulam Paku Pakis (Gambar 4)

Jahitan sulam berbentuk pakis simbolik kepada pakis tumbuhan yang tahan lasak, simbol ketabahan dan daya tahan manusia dalam menghadapi ujian. Bentuk pakis yang disulam berulang melambangkan proses penyemaian nilai baik dalam hati setiap insan.

Tindanan Butang-Butang (Gambar 5)

Butang yang ditindan rapat menjadi simbol, beban emosi yang terkumpul, juga simbol pengikat jiwa sebagai usaha menyatukan hati yang retak.

Jalinan Pusaran (Gambar 6)

kelihatan pusaran yang dicipta dengan jahitan rapat dan tekstur berlapis memberi gambaran kekacauan emosi, perjalanan perubahan dan transformasi.

Simbol kelestarian dan kesedaran terhadap alam sekitar.

- Proses mengangkat bahan yang terpinggir kepada objek seni yang bernilai dan berjiwa.




3. Gambar teknik lipatan bertindih.




4. Gambar jahitan sulam paku pakis



5. Gambar tindanan butang.



6. Gambar jalinan pusaran.



Merah : Bendera , Hitam : Skirt terpakai

Maqasid Seni:

Susunan motif menjadi medium dakwah halus, menyeru insan agar menanam nilai kebaikan dalam jiwa. Ia juga berperanan sebagai terapi visual, menenangkan emosi, serta menjadi manifestasi ihsan terhadap alam melalui penggunaan motif tumbuhan sebagai simbol kehidupan.

Jamal:

keindahan terhasil daripada yang dianggap tidak bernilai.

Mizan:

Prinsip seimbang dengan menjaga alam sekitar

Tawhidic:

Amalan lestari sebagai tanda ihsan terhadap ciptaan Allah.

Maqasid Seni:

Seni sebagai medium mendidik masyarakat tentang tanggungjawab terhadap alam.

Sumber: Penulis (2026)

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.3>

Analisis Dapatan Visual

Analisis visual terhadap karya Sekeping Hati memperlihatkan bahawa setiap elemen seni berfungsi sebagai metafora perjalanan emosi dan spiritual pengkarya. Tekstil terbuang yang digunakan oleh pengkarya iaitu denim keras melambangkan luka batin dan kekentalan hidup, sementara sifon rapuh membawa simbol harapan dan kelembutan jiwa memperlihatkan kontra diantara nilai fizik material juga simbol. Dalam mempersoalkan naratif sejarah peribadi pengkarya dalam menzahirkan makna karya secara tidak langsung penggunaan material tekstil terpakai menyokong agenda kelestarian. Selain itu penggunaan teknik jahitan dan sulaman yang berulang dan teliti mencerminkan ketekunan, kesabaran, dan kekuatan dalaman, sejajar dengan konsep *tazkiyat al-nafs* (penyucian jiwa).

Dalam karya “Sekeping Hati”, pemilihan warna menjadi medium simbolik bagi menggambarkan dimensi emosi dan refleksi rohani pengkarya. Hitam melambangkan kesedihan dan luka batin yang mendalam, manakala merah menzahirkan trauma serta perjuangan untuk bangkit, hijau melambangkan harapan, kehidupan baharu, dan kesejahteraan spiritual, manakala biru membawa makna kedamaian, kestabilan emosi, dan ketenangan jiwa. Disamping itu calitan warna putih pula mencerminkan ketenangan, penyucian jiwa, dan pemulihan rohani. Keseluruhan palet warna ini bukan hanya berfungsi sebagai unsur visual, tetapi membentuk naratif autoetnografi yang mencerminkan perjalanan tazkiyah al-nafs, serta memperlihatkan penerapan prinsip *jamal* (keindahan) dan *mizan* (keseimbangan) dalam kerangka estetika Islam.

Ulusan Susunan Motif dan Simbolik

I. Bentuk Hati Sebagai Pusat Emosi (Keseluruhan karya)

Karya berbentuk hati ini jelas menekankan simbol jiwa dan perasaan manusia. Bahagian merah menampilkan tekstur yang kaya dengan lipatan, jahitan rapat, dan kepelbagaian bentuk kain yang melambangkan kehidupan, kehangatan, serta harapan. Sebaliknya pada bahagian hitam lebih kelihatan padat, berat dan bertekstur kasar ianya mencerminkan luka, trauma, serta kegelapan batin. Gabungan dua sisi ini mewujudkan kontras visual yang menyerupai perjalanan *qalb* (hati) yang sering diuji antara cahaya (*nur*) dan kegelapan (*zulumat*).

II. Teknik pemanasan dengan fabrik Sifon (Keseluruhan karya)

Bahagian tertentu pada sisi karya berwarna hitam juga merah menunjukkan kesan teknik pemanasan (lubang-lubang terbakar) yang kemudian dilapisi dengan kain sifon. Simboliknya, seakan luka dan Kerapuhan: Lubang melambangkan trauma atau luka batin yang membeka secara kekal. Sifon sebagai lapisan lembut: Lapisan sifon yang rapuh menggambarkan kesan luka seakan perisai halus yang musnah perlu usaha pemulihan, perlindungan spiritual, dan kelembutan iman yang menutupi parut kehidupan. Secara visual, ia juga menggabungkan unsur destruktif (*burning*) dan konstruktif (melapisi sifon), menyerlahkan konsep transendensi daripada penderitaan kepada kesedaran.

III. Lipatan Bertindih (*Layered Folds*) (Karya Siri Sekeping Hati I -Merah)

Bahagian karya yang berwarna merah memperlihatkan lipatan kain bertindih. Lipatan ini adalah metafora kepada lapisan pengalaman hidup iaitu luka, kenangan, dan perasaan yang bertindih dan sukar dipisahkan. Dari perspektif estetika, ia memberi dimensi tekstur yang kaya dan visualisasi perjalanan emosi yang kompleks. Secara spiritual, lipatan melambangkan *tazkiyah* (penyucian berlapis), iaitu proses mendidik hati secara berulang sehingga mencapai ketenangan.

IV. Jahitan Sulam Paku Pakis (karya Siri Sekeping Hati I- Merah)

Jahitan berbentuk paku pakis membawa makna simbolik, pakis ialah tumbuhan yang tahan lasak, mampu tumbuh di celah batu dan kawasan lembap ianya simbol ketabahan dan daya tahan manusia dalam menghadapi ujian. Bentuk pakis yang disulam berulang melambangkan proses penyemaian nilai baik dalam hati, sebagaimana benih tumbuhan yang tumbuh subur bila dipelihara. Dalam kerangka Islam, pakis boleh

ditafsir sebagai tanda ihsan terhadap alam, serta refleksi hati yang sentiasa diperbaharui dan disuburkan dengan zikir dan amal soleh. Selain itu jahitan sulam pakis juga memperlihatkan nilai *jamal* (keindahan) pada tekstil dan *mizan* (keseimbangan) antara unsur keras (butang, jahitan kasar dan teknik pemanasan) dengan unsur lembut (sulam pakis yang lebih natural).

V. Tindanan Butang-Butang (Karya Siri Sekeping Hati II- Hitam)

Butang yang ditindan rapat menjadi simbol, beban emosi yang terkumpul. Ianya juga simbol pengikat jiwa sebagai usaha menyatukan hati yang retak. Selain itu ianya umpama perisai pertahanan melindungi hati daripada luka baharu. Secara visual, butang memberi tekstur berat, menambah kesan naratif trauma dan kekuatan bertahan.

VI. Jalinan Pusaran (Karya Siri Sekeping Hati II - Hitam)

Bahagian atas karya berwarna hitam, kelihatan pusaran yang dicipta dengan jahitan rapat dan tekstur berlapis memberi gambaran kekacauan emosi. Ia melambangkan keadaan jiwa yang berputar dalam keresahan, trauma, dan rasa terperangkap. Namun, pusaran itu terletak di bahagian atas, seolah-olah menunjukkan bahawa ujian batin berada di minda dan kesedaran, dan pemulihan menuntut perjalanan menurun ke dalam kalbu.

Kesimpulannya dengan gabungan pusaran hitam, lipatan bertindih, teknik pemanasan dengan sifon, tindanan butang dan sulaman pakis, karya ini membina naratif hati manusia yang penuh luka namun sentiasa dipulihkan melalui sabar, ketekunan, dan iman. Sulaman pakis khususnya membawa harapan dan kehidupan baharu, melengkapi metafora perjalanan jiwa yang tidak linear. Secara keseluruhan, karya ini bukan sekadar seni fiber *upcycle*, tetapi wadah ekspresi rohani yang berakar pada Estetika Islam dan secara keseluruhan membentuk satu naratif autoetnografi visual, yang menghubungkan pengalaman peribadi dengan isu spiritualiti Islam dan kesedaran ekologi.

Integrasi Estetika Islam

Karya ini memperlihatkan aplikasi prinsip utama estetika Islam, iaitu:

1. *Jamal* iaitu melambangkan keindahan prinsip ini dapat dilihat dari harmoni susunan motif, kontras warna, dan simbol alam yang diaplikasikan dalam penghasilan visual karya.
2. *Mizan* iaitu prinsip keseimbangan antara bentuk zahir iaitu visual dan makna batin mencerminkan spiritual.
3. Nilai *tawhidic* dapat dilihat dalam karya ini melalui hubungan antara insan, Allah dan alam melalui simbol hati dan pusaran yang dibentuk melalui susunan kain dan jahitan.
4. Maqasid Seni Islam dizahirkan dalam karya “Sekeping Hati” melalui tiga dimensi utama iaitu sebagai medium dakwah yang menyampaikan mesej pemulihan rohani melalui simbolisme hati, kedua sebagai terapi diri yang merefleksikan pengalaman emosi pengkarya dalam proses penyucian jiwa, dan ketiga sebagai refleksi sosial yang menyeru kesedaran terhadap kelestarian alam melalui penggunaan tekstil terbuang.
5. Mas’uliyah prinsip tanggungjawab yang diterapkan dari penggunaan bahan buangan sebagai simbol amanah insan dalam menjaga alam.

Simbol & Ikon Pengetahuan Islam dalam Karya

Beberapa simbol utama yang diangkat iaitu hati atau *qalb* menjadi pusat iman dan spiritualiti. Jika dilihat pada pusaran ianya menggambarkan ujian & perjalanan hidup menuju Allah. Ikon penggunaan tumbuhan seperti daun pakis membawa makna benih kebaikan, ihsan, dan prinsip kelestarian. Dapat dilihat juga pada penggunaan jahitan berulang yang membawa simbol *sabr* (kesabaran) dan *tazkiyah* (penyucian jiwa). Simbol penggunaan warna hitam, merah membara dan putih naratif transformasi dari perasaan jiwa duka, perjuangan serta ketenangan.

KESIMPULAN

Kajian ini menelusuri bagaimana elemen seni upcycle berasaskan tekstil terbuang dapat berfungsi sebagai wahana ekspresi spiritual dan refleksi peribadi melalui pendekatan autoetnografi dan kerangka Estetika Islam. Karya Sekeping Hati bukan sekadar medium ekspresi visual, tetapi menjelma sebagai naratif senyap yang mendokumentasikan pengalaman emosi, pemulihan jiwa, dan kesedaran ekologi. Setiap helaian tekstil terbuang yang digunakan dari denim keras hingga sifon yang rapuh, membawa makna simbolik tentang luka, keazaman dan harapan. Teknik inovasi dan eksplorasi tekstil terpakai, melalui jahitan dan susunan subjek pilihan menyerlahkan unsur kesabaran, ketelitian dan transformasi dalaman yang berakar pada proses tazkiyat al-nafs (penyucian jiwa).

Dalam kerangka pemikiran estetika Islam, karya ini mencerminkan nilai *jamal* (keindahan) dalam ekspresi bentuk dan warna, *mizan* (keseimbangan) antara zahir dan batin, serta maqasid seni yang mengangkat seni sebagai alat pendidikan rohani dan sosial. Penggunaan semula bahan buangan pula menegaskan aspek *mas'uliyah* (tanggungjawab) terhadap alam, menyokong prinsip kelestarian yang juga dituntut dalam Islam. Hasil dapatan membuktikan bahawa seni boleh menjadi medium dakwah yang tersirat tetapi berkesan dan ia mengajak kepada kebaikan, menyemai kesedaran, dan membina hubungan antara pengkarya, masyarakat, dan Tuhan. Kajian ini turut memperkukuh bahawa seni kontemporari, apabila digarap dengan nilai-nilai Islam, mampu membentuk naratif alternatif yang melampaui estetika konvensional dan menembusi wilayah spiritual dan ekologi secara holistik.

Secara keseluruhannya, kajian Renungan Qalbu ini membuktikan bahawa seni berlandaskan Islam tidak hanya indah dari segi bentuk, tetapi juga kaya makna dan berfungsi sebagai instrumen perubahan diri dan sosial. Implikasi daripada kajian ini menegaskan bahawa seni kontemporari lestari dapat berperanan sebagai wacana kritis yang menyatukan ekspresi estetik, kesedaran ekologi, dan refleksi rohani. Ia membuka ruang baharu dalam perbincangan akademik seni Islam dan seni lestari di rantau ini, serta menyeru kepada kesedaran bahawa seni bukan sekadar untuk dilihat, tetapi untuk direnung, dihayati, dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan khusus daripada mana-mana agensi pembiaya awam, swasta, atau pertubuhan bukan berasaskan keuntungan. Penyelidikan ini telah dijalankan dan dibiayai sendiri oleh pengkarya sebagai sebahagian daripada penerokaan akademik dan artistik peribadi penyelidik.

PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para pengkarya bersetuju bahawa kajian ini telah dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, konflik komersial atau kewangan, dan mengisytiharkan tiada sebarang pertentangan kepentingan dengan mana-mana pihak pembiaya atau isu semasa yang bertentangan dengan akta akademik.

SUMBANGAN PENULISAN

Noor Hidawati Mohamed Amin menjalankan penyelidikan, menghasilkan karya seni, menulis dan menyemak semula penulisan. Beliau juga membangunkan idea kajian dan memilih pendekatan serta kerangka teori yang digunakan. Zuriati Mohamed Shaari menyemak kandungan penulisan dan menyelia pelaksanaan penyelidikan secara keseluruhan.

RUJUKAN

Amin, N. H. M., Husain, A. H., & Shaari, Z. M. (2021). Strategizing alternative visual artworks medium through upcycle textile. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 6(17), 21–28.

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.3>

<https://doi.org/10.21834/ebpj.v6i17.3043>

- Alashari, Duaa & Hamzah, Abd. (2021). Islamic Art: An Analytical Study of Ismail Al-Faruqi's Views.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). Islamic art and culture: An aesthetic perspective. International Institute of Islamic Thought. Al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din* [Revival of the religious sciences]. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali, S. S. S., Razman, M. R., & Awang, A. (2019). Trend Penggunaan Tenaga Elektrik dan Pembebasan Gas Rumah Hijau di Malaysia (The Trend of Electricity Consumption and Greenhouse Gases Emissions in Malaysia). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1).
- Birtwistle, G., & Moore, C. M. (2007). Fashion clothing—where does it all end up? *International Journal of Retail & Distribution Management*, 35(3), 210-216.
- Burckhardt, T. (1976). *Art of Islam: Language and Meaning*. World Wisdom.
- Department of Statistics Malaysia. 2020. <https://www.epu.gov.my/ms/sustainable-development-goals>
Kloth Cares Fabric Recycling Movement Data, 2020, <https://www.swcorp.gov.my/gerakan-kitar-semula-fabrik/>
- Ellis, C., Adams, T. E., & Bochner, A. P. (2011). Autoethnography: An overview. *Historical Social Research*, 36(4), 273–290. <https://doi.org/10.12759/hsr.36.2011.4.273-290>
- Faridi, F. R. (2020). *Islamic Aesthetics: An Introduction*. Oxford Press.
- Hussain, M. (2018). Islamic art as a means of da'wah and education. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 8(1), 25–38. <https://doi.org/10.32350/jitc.81.03>
- Irick, E. M., & Ahmed, F. (2022, December). Exploring the Possibilities for Reusing Plastic Bags as a Textile Material. In *International Textile and Apparel Association Annual Conference Proceedings* (Vol. 79, No. 1). Iowa State University Digital Press
- Ibrahim, M. T., Jaafar, A. J., Ismail, H., & Mohmud, M. S. (2023). Hima dan pemuliharaan alam sekitar dalam tamadun Islam: satu kajian awal berkaitan keperluan dan impaknya. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1-13.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1998). *Madarij al-Salikin*. Dar Ibn Kathir.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Shariah Made Simple*. International Institute of Islamic Thought.
- Nasr, S. H. (1987). *Traditional Islam in the Modern World*. Kegan Paul International.
- Nasr, S. H. (2001). *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*. ABC International Group.
- Nasr, S. H. and Chittick, W. C. (ed.). (2007). “The Cosmos as Theophany”, in *The Essential Seyyed Hossein Nasr*. Bloomington: World Wisdom. Pp.189-202.
- Niinimäki, K. (2018). *Sustainable Fashion in a Circular Economy*. Available at Aalto University
- Goworek, H., Oxborrow, L., Claxton, S., McLaren, A., Cooper, T., & Hill, H. (2020). Managing sustainability in the fashion business: Challenges in product development for clothing longevity in the UK. *Journal of Business Research*, 117, 629-641
- Rahim, T. D. R. A., Husain, M. D. A. H., Sanusi, A. A. A., Hua, L. C., Shaari, Z., & Amin, H. *Warisan Kebangsaan (ASWARA)*, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Qutb, S. (1991). *Fi Zilal al-Quran*. Dar al-Shorouk.

Shabbir, M. (2015). *Islamic Calligraphy and Spiritual Art*. Islamic Arts Foundation.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).